

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.01/10.12/2 Jld. 4 (38)

29 Julai 2025

4 Safar 1447

PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 36/2025

PEMAKLUMAN MAJLIS KONVOKESYEN KE-69 (MK69) UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Dimaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Raja Zarith Sofiah, Canselor Universiti Teknologi Malaysia (UTM), telah berkenan Majlis Konvokesyen ke-69 Universiti Teknologi Malaysia diadakan pada 15 hingga 20 November 2025 bersamaan 24 hingga 29 Jamadilawal 1447H.

2. Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Bil. 9/2025 pada 23 Jun 2025 telah menetapkan bersempena dengan Majlis Konvokesyen ini, semua Ketua Pusat Tanggungjawab adalah diminta untuk menanggungkan sebarang majlis di dalam kampus pada tarikh berkenaan. Jika terdapat sebarang program/aktiviti yang tidak dapat ditanggungkan, Ketua Pusat Tanggungjawab perlulah mendapatkan kelulusan penganjurannya daripada Pendaftar.

3. Keputusan ini adalah bagi meraikan kejayaan graduan dan para tetamu yang hadir. Semua Ketua Pusat Tanggungjawab juga diminta memberikan kerjasama untuk membenarkan staf bertugas bagi tujuan Majlis Konvokesyen tersebut. Ahli Senat dan Staf Akademik yang dijemput amatlah diharapkan untuk bersama-sama hadir bagi menjayakan majlis ini.

4. Semua warga Universiti adalah diminta untuk mengambil maklum dan memberikan komitmen sepenuhnya sepanjang Majlis Konvokesyen ke-69 Universiti Teknologi Malaysia berlangsung.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH"

Saya yang menjalankan amanah,

(DATO' DR. MOHD SHARIL BIN ABDULLAH)
Pendaftar



- s.k.
- Naib Canselor
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
 - Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
 - Ketua Kampus UTM (Cawangan Kuala Lumpur)
 - Ketua Kampus UTM (Cawangan Pagoh)
 - Pegawai-pegawai Kanan/ Dekan/ Pengarah